



28 NOV, 2025

eKYC diperluas kejang pemalsuan akaun TNB

Berita Harian, Malaysia



eKYC diperluas kejang pemalsuan akaun TNB

Sistem perlukan pengguna imbas MyKad, passport dalam usaha atasi isu curi elektrik

Laporan Zanariah Abd Mutalib dan Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan memperluaskan penggunaan kaedah *electronic Know Your Customer* (eKYC) secara berperingkat mulai tahun ini kepada semua pengguna bagi mengelakkan pemalsuan akaun utiliti itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata isu pemalsuan akaun TNB membabitkan penggunaan identiti palsu, perjanjian sewa palsu serta akaun keldai yang disalahgunakan bagi tujuan mencuri elektrik.

"Tindakan itu bukan saja menjejaskan keselamatan sistem, integriti perkhidmatan serta keyakinan pengguna, tetapi mendedahkan pemilik identiti atau akaun sah risiko untuk menanggung hutang yang bukan kepunyaan mereka.

"Melalui eKYC, pengguna perlu mengimbas dokumen pengenalan (MyKad/pasport) dan memadankannya dengan visual diri (swafoto) bagi pengesahan wajah.



Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

Penggunaan eKYC diperluaskan secara berperingkat mulai tahun ini bagi semua permohonan individu melalui portal myTNB.

"Kaedah ini bukan sahaja mengurangkan risiko penipuan identiti, malah meningkatkan keyakinan pengguna serta memastikan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Lim Lip Eng (PH-Kepong) mengenai langkah segera TNB dan pihak berkuasa bagi mengekang pembukaan akaun tanpa pengetahuan pemilik oleh orang dalam untuk tujuan kecurian elektrik serta jaminan pemilik tidak di-

pertanggungjawabkan atas bil atau hutang yang terhasil.

Pengesahan biometrik

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, TNB juga telah dan sedang melaksanakan tindakan pengesahan biometrik di Kedai Tenaga bermula Julai 2023 dengan memperkenalkan kaedah pengesahan identiti menggunakan cap jari dan MyKad.

"Data disemak terus melalui peranti biometrik TNB yang mana kaedah ini selamat, menepati standard industri dan telah diguna pakai secara meluas dalam sektor kerajaan, perbankan dan telekomunikasi," katanya.

Dengan pelaksanaan pengesa-



han biometrik dan eKYC, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) memberi jaminan pemilik akaun yang sah tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap bil atau hutang hasil penipuan.

"Selain itu, TNB akan terus memperkukuh mekanisme keselamatan identiti demi melindungi pengguna, mencegah kecurian elektrik dan mengekalkan integriti sistem bekalan elektrik negara," katanya.

Sementara itu, TNB mengalami kerugian RM5.14 bilion sejak 2020 akibat penggunaan bekalan elektrik secara haram di premis yang menjalankan aktiviti melombong mata wang kripto dan bitcoin.

Katanya, kerugian itu dikenal pasti hasil serbuan terhadap 14,489 premis diperiksa melalui 91 operasi dan 77 kertas siasatan dibuka.

"TNB memantau penggunaan elektrik luar biasa, gangguan pada meter dan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia serta CyberSecurity Malaysia.

"TNB juga sedang merintis penggunaan meter di pencawang untuk mengesan kebocoran bekalan elektrik," katanya.